

Sekalipun sudah bersara selepas 40 tahun bekerja, Vijay Nadarajah, 61, begitu ingin kembali ke alam pekerjaan.

Dia pulang ke Malaysia hampir dua tahun lalu selepas menghabiskan 18 tahun di luar negara seperti Indonesia, Oman dan Pakistan ketika bekerja untuk syarikat pengurusan pelabuhan antarabangsa berpangkalan di Hong Kong.

Sama seperti Malaysia, dasar syarikatnya menuntut dia bersara apabila berusia 60 tahun. Enam bulan pertama selepas persaraan, dihabiskan dengan melawat anak perempuan kembarnya di Kanada, bersama-sama isteri. Namun sebaik kembali ke rumahnya di Shah Alam, Selangor, dia tidak mahu menghabiskan masa dengan bermain golf dan melancong.

"Saya faham (syarikat saya dulu) ada dasar (bersara wajib pada usia 60 tahun). Akan tetapi, saya rasa masih ada kemampuan bekerja, lebih-lebih lagi sekarang," katanya kepada Bernama.

Sehubungan itu, dia mula mencari pekerjaan dan memohon apa sahaja jawatan yang dirasakan bagus. Dia juga mendaftar dengan agensi pencari pekerjaan, mengikuti kelas bagi menambah baik kemahiran selain memastikan dia seiring dengan perkembangan semasa. Dia turut mendaftar dengan portal pencari pekerjaan yang menghubungkan warga emas dengan majikan berpotensi.

Seperti kebanyakan mereka yang seusia dengannya, Vijay berasa belum bersedia untuk 'dihayat'.

Menurut DoSM, mereka yang baru berusia 60 tahun dijangka boleh hidup selama lebih sedekad lagi, iaitu 18.2 tahun bagi lelaki dan 20.9 tahun untuk wanita.

Pada masa sama, kadar kesuburan juga menurun, iaitu 1.6 anak ba-



TALENTCORP mempunyai beberapa program untuk membantu warga emas mencari pekerjaan.

BEKERJA SEMULA SELEPAS BERSARA

HIDUP TIDAK BERAKHIR SELEPAS USIA 60 TAHUN!

kan', mengumpamakan umur 60-an itu seperti 50-an. Kemajuan sistem penjagaan kesihatan dan peningkatan taraf hidup membolehkan rakyat Malaysia lanjut usia dengan kesihatan yang lebih baik. Ditambah pula dengan penurunan kadar kelahiran, pasaran buruh Malaysia tidak lagi didominasi oleh mereka yang berusia 20-an.

Walaupun begitu, tidak banyak tumpuan diberikan kepada usaha membantu pesara mendapatkan pekerjaan, kecuali segelintir firma seperti HireSeniors, portal penempatan pekerjaan bagi mereka yang berusia 50 tahun ke atas dan syarikat berkaitan kerajaan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp).

Malaysia mencapai status negara menua pada 2021 dengan tujuh peratus daripada populasi berusia 65 tahun dan ke atas, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM). Menjelang 2030, angka itu dijangka mencah lebih 14 peratus, menjadikan Malaysia negara tua. Persekitaran Majikan Malaysia (MEF) berkata, diunjurkan menjelang 2040, warga yang berusia 60 tahun ke atas adalah seramai 7.3 juta orang.

Menurut DoSM, mereka yang baru berusia 60 tahun dijangka boleh hidup selama lebih sedekad lagi, iaitu 18.2 tahun bagi lelaki dan 20.9 tahun untuk wanita.

Pada masa sama, kadar kesuburan juga menurun, iaitu 1.6 anak ba-

gi seorang wanita pada 2023. Pakar ekonomi berkata, bagi menggantikan tenaga kerja semasa, Malaysia memerlukan kadar kelahiran 2.1. Untuk menampung kekurangan itu, kemungkinan besar mereka yang sudah berusia masih perlu berada dalam pasaran buruh bagi tempoh lebih lama.

"Masyarakat mengakui kita sedang menjadi masyarakat tua, justeru, kami sebagai majikan perlu lebih terbuka dan akur kita perlu bergantung pada warga emas," kata Siew Eng, Pengarah Sumber Manusia HireSeniors.

"Oleh itu, majikan tidak seharusnya ketepikan idea mengambil warga emas kerana saya fikir orang lama menawarkan (sumbangan berdasarkan) pengalaman luas."

Walaupun menerima hakikat umur purata tenaga kerja pada masa depan adalah lebih tua, tidak banyak yang dibuat tentang peluang pekerjaan untuk golongan berusia. Sebaliknya, kebanyakan perbincangan bertumpu pada usaha menambah baik dan meningkatkan kemudahan serta perkhidmatan penjagaan kesihatan warga emas serta kepentingan menabung untuk persaraan.

Perkhidmatan bagi menghubungkan warga emas dengan pekerjaan tidak banyak dan kalau adapun adalah terhad atau masih belum dikenali.

Sebagai contoh, TalentCorp yang terletak di bawah Kementerian Sumber Manusia mempunyai beberapa program untuk membantu warga emas Malaysia mencari pekerjaan seperti Career Comeback Programme buat golongan ekspatriat yang kembali ke tanah air.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TalentCorp Thomas Mathew berkata, kerajaan juga terlibat secara aktif dalam kajian Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan (NAB) yang dijadualkan siap pada 2024. NAB adalah rangka kerja dasar komprehensif untuk menangani pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh warga tua.

"Melihat perkara ini, TalentCorp mengambil langkah proaktif sejak lun tahun lalu untuk memastikan pekerja berusia ini mendapat pekerjaan dan terus menyumbang

secara bermakna kepada negara. Walaupun dalam skala kecil, ini langkah pertama dalam mengubah masa depan dan menyediakan keperluan ekonomi mereka," katanya.

Tahun ini, TalentCorp bekerjasama dengan Perbadanan Hal Ehwal Angkatan Tentera yang membantu veteran Angkatan Tentera Malaysia mendapat pekerjaan selepas menamatkan khidmat dengan pasukan itu.

Bagi HireSeniors, Siew Eng berkata, beliau percaya mereka satu-satunya portal pengambilan pekerja khusus untuk warga emas buat masa ini namun perkhidmatan mereka hanya di Lembah Klang.

Mengakui orang tua akan menjadi sebahagian besar daripada tenaga kerja pada masa depan, namun peluang pekerjaan untuk mereka sangat kurang, dan ini mungkin ada kaitan dengan diskriminasi umur serta tanggapan bahawa orang tua sudah tidak ada kegunaan lagi.

Pakar memberitahu Bernama bahawa ageisme atau diskriminasi umur berleluasa dalam pasaran kerja Malaysia. Mereka berkata, banyak syarikat meletakkan had umur semasa mengambil pekerja, seperti mengetepikan calon yang berumur 40 tahun ke atas.

Nalib Presiden MEF Farid Basir berkata, hal itu amat merugikan kerana ramai pesara dan warga emas mempunyai pengalaman

"Kami sebagai majikan perlu terbuka dan akur kita perlu bergantung pada warga emas"



luas yang boleh dikongsikan dengan generasi muda serta membantu dalam perpindahan pengetahuan.

"Dengan membiarkan mereka berada lebih lama dalam pasaran buruh di Malaysia, kita boleh kekalkan kemahiran dan halang wujudnya jurang pengetahuan yang mungkin terjadi akibat persaraan besar-besaran," katanya.

Kajian dijalankan Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) Universiti Putra Malaysia mendapati banyak syarikat keabangan mengambil warga emas dengan sesetengah iklan pekerjaan kerap kali mengecualikan calon berusia 50 tahun ke atas.

Ketua Program Gerontologi Perubatan MyAgeing Prof Dr Chan Yoke Mun berkata, amat penting diwujudkan persekitaran yang menyokong bagi membantu warga emas melanjutkan tempoh bekerja mereka seperti melaksanakan aturan kerja anjal dan dasar yang dapat mengekang amalan diskriminasi umur.

Satu cara yang boleh dilakukan ialah mensyaratkan warga emas dan generasi lebih muda mengikuti latihan pendidikan tentang memupuk amalan inklusif usia.

"Adalah amat penting untuk memastikan peralihan kepada tenaga kerja menua berjalan lancar dan memaksimumkan sumba-

ngan berpotensi oleh semua kumpulan usia," tambah beliau.

Walaupun Malaysia tidak mempunyai undang-undang khusus tentang diskriminasi umur, perundangan buruh sedia ada iaitu Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 memastikan pekerja mempunyai jaminan pekerjaan.

Vijay yang memberitahu Bernama dia turut berdepan diskriminasi usia ketika mencari pekerjaan, berkata dia tidak menerima sebarang maklum balas daripada syarikat apabila dia memohon sendiri. Dia kemudian menggunakan khidmat headhunter amat perekrut eksekutif untuk membantunya mendapatkan pekerjaan.

"Perekrut eksekutif mengakui amat sukar untuk seseorang sebaya saya mendapat pekerjaan kerana syarikat lazimnya mencari pemohon yang lebih muda," kongsiya.

Siew Eng berkata, mujur ada sesetengah syarikat lebih suka menggaji warga emas dalam kapasiti tertentu seperti perunding atau pemandu. Warga emas bukannya mempunyai banyak pengalaman tetapi juga lebih stabil dan boleh dipercayai, kurang kemungkinan mengambil cuti kerana kecemasan keluarga serta tidak begitu peduli tentang persaingan di tempat kerja.

Walaupun begitu, ada beberapa pekerjaan yang tidak dapat dilakukan oleh warga emas seperti kerja berat, dan suka atau tidak, mereka lebih kerap menghadapi masalah kesihatan berbanding rakan sekerja yang lebih muda.

"Perekrut eksekutif mengakui, amat sukar untuk seseorang sebaya saya mendapat pekerjaan kerana syarikat lazimnya mencari pemohon yang lebih muda"

PERKARA YANG PERLU DITIMBANG

Selain faedah kepada ekonomi, bekerja juga membantu warga emas menjadi lebih sihat, terutama dari segi mental.

"Dari perspektif sumber manusia, bekerja memberikan kesan positif terhadap kesihatan mental dan fizikal, kerana keadaan itu memberikan seseorang hala tuju, interaksi sosial dan rasa terangkum. Dapat tak bayangkan perasaan terasing yang akan dilalui jika anda hanya memerap di rumah?" soal Farid yang juga Ketua Pegawai Modal Insan MBSB Bank Berhad.

Tambah beliau, umur persaraan wajib perlu dan kemungkinan besar, dinaikkan selaras dengan perubahan demografi, namun katanya, terulang kepada pekerja sama ada mahu terus bekerja ataupun tidak.

Dr Chan berkata, bekerja selepas umur persaraan boleh memberikan faedah ketara kepada pekerja dan masyarakat.

"Dari perspektif kesihatan, kajian terdahulu mendapati peralihan daripada bekerja kepada bersara boleh membawa kepada pengurangan rangsangan kognitif yang mungkin mempunyai kesan kerosotan ke atas kesihatan kognitif seseorang dan menunjukkan peningkatan risiko demensia. Oleh itu, kekal bekerja dan bersara lebih lewat dari usia persaraan boleh mengurangkan risiko demensia," katanya.

Tambah beliau, ini akan membantu mengurangkan kos penjagaan kesihatan kerajaan kerana warga emas masih mampu meraih pendapatan dan membayar kos perubatan mereka.

Bekerja selepas usia persaraan memberikan peluang kepada warga emas menambah simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) meringankan tidak ramai rakyat Malaysia yang mempunyai simpanan mencukupi untuk menampung kehidupan pada usia senja.

Pada Mac lepas, KWSP dilapor berkata, hanya 33 peratus daripada pencarumnya ada simpanan RM240,000 iaitu jumlah diperlukan untuk bersara dengan selesa. Setakat Disember 2023, KWSP ada 16.07 juta pencarum.

ISU KERKAHAN

Bagaimanapun pakar mengingatkan bahawa bekerja selepas usia persaraan bulan



BAGI sesetengah warga emas kekal bekerja membuatkan hidup mereka menjadi lebih bermakna.

untuk semua warga emas. Bagi sesetengah mereka, kekal bekerja membuatkan hidup mereka lebih bermakna sementara yang lain pula lebih sesuai bersara dan menghabiskan masa dengan melancong.

Dr Chan berkata, persaraan awal tidak harus dilihat sebagai sesuatu yang negatif dan memberi impak kepada status kesihatan seseorang. Mereka yang merancang lebih awal sebelum persaraan selalunya mempunyai lebih banyak peluang meningkatkan keterlibatan sosial mereka.

"Mereka boleh huangkan lebih banyak masa bersama keluarga serta melakukan aktiviti yang tidak dapat mereka lakukan semasa usia bekerja sebelum ini. Hasilnya, mereka akan menua secara aktif dan mengekalkan gaya hidup yang sihat," katanya.

Vijay boleh mengesahkan manfaat sebagai warga emas bekerja. Selepas 10 bulan mencari pekerjaan, dia diterima bekerja dalam bidang sumber manusia oleh Genashtim, sebuah syarikat

"Warga emas bukan sahaja mempunyai banyak pengalaman tetapi juga lebih stabil dan boleh dipercayai, kurang kemungkinan mengambil cuti kerana kecemasan keluarga"

multinasional berkaitan dengan komuniti terpinggir dan menumpukan pada e-pembelajaran, pendigitalan serta perkhidmatan berkaitan pendidikan, sosial dan tadbir urus.

Vijay puas hati dengan kehidupannya dan berhasrat menyumbang sebanyak mungkin selagi terdada. Satu-satunya perkara perlu 'dihayatkan' adalah idea bahawa kehidupan berakhir selepas berusia 60 tahun.

"Tidak semestinya anda perlu beraht hanya kerana anda mencah usia 70 tahun. Bagi saya, itu semua bergantung pada individu," katanya.